

0070

B B697 DEB  
MAHATHIR - UMNO

KAPAR, 9 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEJAYAANNYA MENGEKALKAN JAWATAN PRESIDEN UMNO DALAM PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS ADALAH KERANA RAMAI ANGGOTA UMNO BERPEGANG KEPADA PRINSIP DEMOKRASI DAN TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN TOHMAH.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA KEMENANGAN ITU BUKANLAH KEMENANGAN PIHAK DIRINYA TETAPI KEMENANGAN PARTI YANG MEMPUNYAI SEBILANGAN ANGGOTA YANG TIDAK BOLEH DISOGOK DENGAN TOHMAH DAN FITNAH.

+SEKIRANYA UMNO BUDAH DIPENUHI DENGAN MAJORITI ANGGOTANYA YANG TIDAK LAGI BERPEGANG TEGUH KEPADA PRINSIP-PRINSIP UMNO, SAYA AKAN KALAH DALAM PERTANDINGAN ITU,+ KATANYA KETIKA BERUCAP DALAM MAJLIS KESYUKURAN ATAS KEMENANGANNYA DAN SAMBUTAN AIDILFITRI UMNO BAHAGIAN KAPAR DI BINI PETANG INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO HARUS BERBANGGA KERANA MASIH TERDAPAT BILANGAN ANGGOTA YANG CUKUP BESAR YANG TIDAK MUDAH DIPESONGKAN DARIPADA PRINSIP PARTI DAN HJUJAH-HUJAH YANG TIDAK BENAR.

INI ADALAH PETANDA BAIK BAGI MASA DEPAN UMNO DAN ANGGOTA PARTI HARUS BERUSAHA AGAR ANGGOTA-ANGGOTA SEUMPAMA ITU BERTAMBAH BILANGANNYA SUPAYA UMNO DAPAT TERUS MENJADI SEBUAH PARTI YANG KUKUH UNTUK MEMIMPIN BARISAN NASIONAL. -- LAGI  
2026MST 09 06 87

0079

B B698 DEB  
MAHATHIR - UMNO 2 KAPAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +TIDAK ADA GUNANYA KITA MELAUANG-LAUANG DAN MEMPAMERKAN MASALAH KEPADA ORANG LAIN TERMASUK MUSUH KERANA INI CUMA MENJADIKAN KITA ORANG YANG TIDAK DIPERCAYAI+.

+LEBIH BAIK KITA BERUNDING SECARA TERTUTUP DARIPADA MEMBUAT KENYATAAN-KENYATAAN YANG HANYA MEMBAKAR HATI DAN TIDAK MEMBAWA FAEDAH,+ KATA BELIAU.

NEGARA INI TENTU TIDAK MAHU MENGALAMI KEJADIAN SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA YANG MENGAKIBATKAN TIDAK LAGI WUJUD KESTABILAN POLITIK DAN MENJEJASKAN PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA ITU, TAMBAH BELIAU.

+INI JUGA SAYA TUJUKAN KEPADA SEMUA PEMIMPIN UMNO SUPAYA KITA MENCAPAI KEMENANGAN DAN TERUS MENJADI PARTI YANG KUKUH BAGI MENERAJUI KERAJAAN+, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH TENTANG PENTINGNYA RAKYAT MENGAMALKAN BIKAP BANGGUP BEKERJA KUAT TANPA MENGIRA BAYARAN LEBIH MASA SEBAGAI SATU PENGORBANAN UNTUK MEMAJUKAN EKONOMI NEGARA PADA MASA INI BAGI KEPENTINGAN MASA HADAPAN SEPERTI YANG TELAH DITUNJUKKAN HASIL KEJAYAANNYA OLEH RAKYAT NEGARA KOREA SELATAN DAN JEPUN. -- LAGI

2040MST 09 06 87

0082

B B699 DEB  
MAHATHIR - UMNO 3 KAPAR

SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA GAJI PARA PEKERJA JEPUN LEBIH RENDAH DARIPADA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA TETAPI BEKARANG MEREKA MENIKMATI GAJI EMPAT HINGGA LIMA KALI LEBIH TINGGI SEDANGKAN HARGA BARANG-BARANG KELUARAN MEREKA TIDAK TURUT NAIK KERANA DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA BERBIKAR INSAF DENGAN KEADAAN DAN NASIB BAIK MEREKA DAN TIDAK MEMBANDINGKAN DENGAN NASIB YANG LEBIH BAIK YANG DINIKMATI OLEH ORANG LAIN SUPAYA MEREKA MENJADI LEBIH TENANG.

KATANYA, SEBUAH MASYARAKAT YANG TENANG LEBIH MUDAH MENCAPAI KEJAYAAN DARIPADA MASYARAKAT YANG GELIBAH KERANA ANGGOTA-ANGGOTANYA TIDAK PUAS HATI AKIBAT TERLALU MELIHAT KESENANGAN ORANG LAIN SEHINGGA MELUPAKAN BAHAWA KESENANGAN YANG MEREKA NIKMATI LEBIH BAIK DARIPADA SEBETENGAH ORANG YANG LEBIH BERNASIB KURANG BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA KINI SEDANG MELALUI PERCUBAAN MENGHADAPI KEHELEBETAN EKONOMI DENGAN JAYANYA WALAUPUN ADA ORANG MENGATAKAN KEADAAN YANG DIALAMI AMAT TERUK KONONNYA KERANA PERDANA MENTERI TIDAK BAIK.

BAGAIMANAPUN PADA MASA INI HARGA KOMODITI DAN PASARAN SAHAM SEDANG PULIH DAN BELIAU YAKIN EKONOMI NEGARA AKAN PULIH DENGAN LEBIH BAIK SEKIRANYA RAKYAT TERUS GIAT BERUSAHA.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR, DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, DAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN KAPAR, ENCIK D.P. VIJENDRAN. -- BERNAMA  
2050MBT 09 06 87